

Gen-Z Cenderung ke Arah Pengajaran Berorientasikan Teknologi

Terakhir dikemaskini: Khamis, 31 Oktober 2019 15:19 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 17

[Kongsi 0](#)
[Syorkan 0](#)
[Kongsi](#)
[Share](#)


KHAMIS, 31 OKTOBER
– Kumpulan pelajar daripada kalangan Generasi Z atau Gen-Z, iaitu mereka yang lahir seawal tahun 1994 sehingga tahun 2010 lebih cenderung atau berminat terhadap aktiviti pengajaran yang

berorientasikan penggunaan teknologi secara interaktif pada masa kini.

Timbalan Pengarah (Komunikasi Korporat) Pusat Pengurusan Strategik dan Komunikasi Korporat Universiti Malaysia Sabah (UMS), Dr. Jakarta Dasan berkata, terdapat satu kajian yang mendapati Gen-Z mengharapkan bahan pengajaran berdasarkan teknologi digital digunakan dalam kelas dan tugas di luar kelas.

“Pelajar Gen-Z ini mempunyai minat yang tinggi untuk berkreativiti dalam pelaksanaan tugas, umpamanya penghasilan video pendek berdurasi satu minit menjadi kegemaran mereka.

“Jika durasi video pengajaran pula, mereka lebih fokus untuk tiga atau lima minit pertama, dan selebihnya mereka akan melihat pesanan ringkas dalam telefon bimbit mereka,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sesi perkongsian 1st AMC Academic Coffee Table Talk anjuran AMC College yang diadakan di Hotel Grandis, Kota Kinabalu baru-baru ini.

Sesi perkongsian tersebut turut melibatkan Pengarah Pusat E-Learning UMS, Prof. Dr. Fong Soon Fook dan Pengarah Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi UMS, Prof. Madya Dr. Ag Asri Ag. Ibrahim selaku ahli panel bersama.

Dr. Jakarta yang juga merupakan Pensyarah Kanan Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP) UMS menambah, senario dalam aktiviti pengajaran masa kini telah berubah yang menuntut setiap tenaga pendidik untuk seiring dengan perkembangan teknologi masa kini dan memanfaatkannya untuk aktiviti pengajaran mengikut cita rasa anak muda sekarang.

“Peranan para tenaga pengajar amat penting bukan sahaja untuk menyampaikan pengajaran menggunakan teknologi tetapi juga mendidik para pelajar bagaimana teknologi ini digunakan secara bermanfaat, apatah lagi

kumpulan Gen-Z ini bakal mengisi ruang dan peluang pekerjaan kelak.

“Kebolehpasaran mereka adalah sejauh mana mereka boleh menguasai teknologi agar mereka sukses dalam prasarana persekitaran Revolusi Industri 4.0,” ujar Dr. Jakaria.

Terdahulu, Ketua Pegawai Eksekutif AMC College, Jeffry Goh dalam ucapan pembukaannya pada program tersebut menjelaskan bahawa objektif program itu diadakan adalah untuk mengumpulkan kalangan pakar akademia untuk berkongsi mengenai harapan dan kemahiran yang diperlukan oleh para pelajar khususnya Gen-Z bagi memenuhi keperluan kerja masa depan.

“Program ini juga adalah bagi meningkatkan kemahiran pengajaran dalam kalangan tenaga pengajar AMC College, dan diharap para peserta yang terlibat dapat memanfaatkan sesi perkongsian ini dengan sebaiknya,” kata Jeffrey.

Lebih 20 kakitangan kumpulan pengurusan dan pensyarah AMC College terlibat dalam menjayakan program sehari itu.